

Malaysia punyai tenaga kepakaran mencukupi

MUAR 9 Jun — Malaysia sudah mempunyai tenaga kepakaran yang mencukupi bagi menasuki industri elektronik yang kini masih dikuasai oleh pelabur-pelabur asing, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun kemasukan pelabur-pelabur asing masih dialu-alukan namun kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk menggalakkan pelabur-pelabur tempatan melibatkan diri dalam industri tersebut.

Katanya, ini adalah kerana industri elektronik merupakan penyumbang utama kepada sektor industri Malaysia dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan juga eksport.

Berucap merasmikan bangunan tambahan SGS Thomson Microelectronics Sdn. Bhd. dan perayaan ulang-tahun ke-20 kilang itu di sini hari ini, Perdana Menteri meminta para pengilang sentiasa memperingkatkan kemampuan teknologi mereka untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja tempatan.

Katanya, dengan kewujudan masalah bekalan di pasaran buruh sekarang berbanding gaji tenaga buruh

yang rendah sebelum ini, yang merupakan faktor kelebihan persaingan negara pada masa lepas, para pengeluar hendaklah lebih berautomasi.

“Di samping itu, standard yang bermutu tinggi bagi memenuhi permintaan antarabangsa yang ketat perlu dipatuhi,” katanya.

Dr. Mahathir juga memuji syarikat itu kerana terus menyokong matlamat kerajaan dan telah memindahkan operasi yang banyak menggunakan buruh kepada automasi yang menjimat kos serta mengemaskinkan proses terbabit.

Beliau juga gembira kerana SGS Thomson telah memberi tumpuan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mewujudkan peralatan bagi mengurangkan tempoh masa pengeluaran. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada kilang itu yang telah memenangi anugerah kualiti Perdana Menteri tahun lalu.

Sementara itu, beliau berkata, dalam tempoh antara 1988 hingga 1993, industri elektronik mencatatkan kadar pertumbuhan 29.6 peratus setahun.

Pada masa yang sama katanya, sektor ini me-

nyumbang kepada eksport dan peluang pekerjaan dengan kadar purata 30.4 peratus dan 24.4 peratus.

Katanya, eksport elektronik telah meningkat daripada RM13.1 bilion pada tahun 1988 kepada RM46.7 bilion tahun lepas.

Tahun lalu juga, eksport elektronik menyumbang 51.9 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil eksport industri pembuatan yang bernilai RM90 bilion sementara semikonduktor bernilai RM17.8 bilion atau 38.1 peratus.

“Pada masa yang sama Malaysia menyumbang lebih kurang 24 peratus daripada jumlah penjualan semikonduktor di seluruh dunia,” katanya.

Beliau memberitahu, dalam tempoh Januari hingga April tahun ini, sebanyak 240 projek dengan pelaburan bernilai RM5.84 bilion telah diluluskan dalam sektor pembuatan dan daripada jumlah itu, RM2 bilion adalah pelaburan luar sementara pelaburan tempatan ialah RM3.84 bilion.

Tahun lalu, sebanyak 231 projek yang diluluskan melibatkan pelaburan luar bernilai RM1.11 bilion manakala pelaburan tempatan RM1.82 bilion.